



**EAC-ETAC**

## **PENGUMUMAN**

### **LANGKAH-LANGKAH MENANGANI PENULARAN WABAK COVID-19**

#### **Penangguhan Pelaksanaan Urusan Lawatan Penilaian Akreditasi Program Kejuruteraan EAC dan Teknologi Kejuruteraan ETAC, Lembaga Jurutera Malaysia**

Jabatan Akreditasi Kejuruteraan (EAD) & Jabatan Akreditasi Teknologi Kejuruteraan (ETAD), Lembaga Jurutera Malaysia memandang serius situasi semasa ancaman penularan wabak Covid-19.

Untuk itu, EAD & ETAD memutuskan untuk menangguhkan pelaksanaan urusan lawatan penilaian akreditasi Kejuruteraan & Teknologi Kejuruteraan bermula 18 Mac 2020 sehingga 30 April 2020. Bagi lawatan yang telah dijadualkan dalam tempoh tersebut, EAD & ETAD akan menghubungi Institusi Pengajian Tinggi (IPT) yang terlibat bagi tujuan penyelarasan.

EAD & ETAD menggalakkan untuk semua permohonan akreditasi Kejuruteraan & Teknologi Kejuruteraan dapat dimuat naik melalui *Engineering Management Accreditation System (AMS)*. Panduan dan penerangan lanjut mengenainya boleh dirujuk di laman sesawang EAC & ETAC bagi setiap proses dan urusan berkenaan.

Jika tuan/puan mempunyai sebarang pertanyaan berhubung penangguhan pelaksanaan urusan lawatan penilaian akreditasi program kejuruteraan EAC & teknologi kejuruteraan ETAC, tuan/puan boleh email ke [norharniza@bem.org.my](mailto:norharniza@bem.org.my)

Adalah diharapkan pemakluman ini mendapat perhatian yang sewajarnya oleh pihak IPT dalam membantu membendung penularan wabak COVID-19.

**LEMBAGA JURUTERA MALAYSIA**  
**17 MAC 2020**